

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Di dalam persidangan UMNO di Kedah dahulu maka ahli-ahli UMNO, terutamanya ketua-ketuanya telah berikrarkan meletakkan jawatannya sekiranya rancangan mereka bersama-sama orang-orang Cina supaya Pilihan Raya Federal ditolak. Di dalam keputusan ini zahir banyaknya bahawa sifat “non” (tidak akan bekerjasama dengan kerajaan) itu telah terzahir dengan terangnya.

Tetapi dua minggu kemudian umat Melayu khasnya tergambar apabila mendengar salah seorang kuat UMNO Doktor Ismail telah menerima jawatan sebagai “Menteri” Perhubungan, Lombong dan Tanah. Sifat “non” itu tentu sejak apabila Doktor Ismail telah menerima jawatan itu. Dengan keadaan ini orang-orang Melayu khasnya dan sebahagian ahli-ahli UMNO sendiri amnya telah berasa bimbang oleh kerana apakah janji-janji mereka itu akan ditepati atas hanya sebagai suatu penggalak sahaja kepada pengikut-pengikutnya yang mereka akan memberi pengorbanan tetapi tatkala mendapat yang lebih besar pengorbanan itu akan dilupakan.

* * *

Banyak kata-kata yang manis dikeluarkan oleh penganjur-penganjur Cina kepada orang-orang Melayu terutamanya kepada pihak-pihak UMNO. Pertolongan-pertolongan kepada Melayu telah dijanjikan tetapi pada amnya orang-orang Melayu tidak menampak barang sedikit pun janji itu ditepati bahkan sebahagian daripada janji-janji daripada taukeh-taukeh yang sudah kenyang memakan hasil di Malaya ini. Di sebalik itu tersiar pula suatu berita hawa Mao Tze Tung ada rancangan hendak menjemput hartawan-hartawan Cina di Malaya mewakili orang Cina di Malaya ke sana. Dengan ini harus orang-orang Nampak bahawa bagaimanapun adalah perasaan mereka masih ke tongsan

juga lagi-jauh daripada mahu memberi kepada orang-orang Melayu.

Menurut pendapat sebahagian orang sekiranya orang-orang Cina mahu menolong Melayu lebih dahulu buktikan pertolongan itu di Singapura ini. Pada masa sekarang berilah peluang sekurang-kurangnya separuh orang-orang Melayu dilantik bekerja di dalam kilang-kilang orang Cina dan di dalam perusahaan-perusahaan mereka. Sesudah nampak bukti yang terang baharulah orang-orang di *Federation* mempercayainya-kalau tidak pandangan mereka, mahu bantu Melayu itu adalah bohong semata-suatu perkataan yang bergula tetapi bercampur racun.

* * *

Tuan Haji Ahmad Fuad telah meletakkan jawatannya daripada Yang di-Pertua Agung PAS. Sebab-sebabnya ialah di dalam mesyuarat agung yang baharu lalu ahli-ahlinya mengambil keputusan menyokong langkah-langkah UMNO untuk mengadakan dan untuk melaksanakan pilihan raya 1954. Kerana berlawanan dengan pendapatannya ia menarik diri. Sekarang sesudah ahli-ahlinya melihat payah orang-orang dapati menggantikan tempatnya maka mereka meminta supaya Haji Ahmad Fuad menarik balik keputusan itu. Haji Ahmad Fuad bersetuju akan menarik balik keputusan itu dengan syarat bahawa keputusan itu ditarik semula dan PAS tidak memihak ke mana-mana – ke UMNO atau pun kepada Menteri-menteri Besar.

Perkara ini adalah menjadikan kita teringat kepada peristiwa menubuhkan PAS di Seberang Perai dahulu. Di situ terdiri pihak-pihak yang menghendaki supaya PAS mengadakan “Parti Disiplin” kerana sebagai sebuah pertubuhan siasah tidak munasabah ahli-ahlinya berbelah bagi – masih “taat” kepada keputusan lain-lain pertubuhan. Sekarang, kerana tidak ada Parti Disiplin pertubuhan itu maka bagaimanakah kedudukan PAS? Jawabnya terpaksa mengikut

orang lain.

Ini ialah suatu kejadian yang patut menjadi cerminan yang dengannya tidak menuduh orang-orang yang tidak mahu menyertainya itu sebagai suatu kesalahan tidak menyokong sebuah pertubuhan Islam.

* * *

Umat Islam di Aceh dengan diketuai oleh Teuku Daud Bereueh telah mengadakan sesuatu perlawanan yang hebat kepada kerajaan Indonesia. Ada sebahagian ulama di Indonesia (yang terdiri daripada parti-parti yang ada di dalam kerajaan) telah menyatakan bahawa langkah Teuku Daud Bereueh itu salah menurut hukum dan pengajaran agama Islam dengan memberi alasan bahawa belum ada didatangkan tuntutan-tuntutan yang sah ke atas negara sendiri. Dengan ini zahir bahawa mereka menuduh langkah orang-orang Islam di Aceh itu adalah salah tetapi harus yang memberi petua itu lupa yang orang-orang Aceh tidak tertahan lagi hati mereka kerana apa jua yang diminta mereka yang mengenai agama mereka telah ditolak atau pun didiamkan sahaja beberapa lamanya-tidak diendahkan, kerana pihak kerajaan memandang bahawa tidak ada perkara Islam yang dihalalkan untuk negara mereka dan di tempat-tempat mereka dihantarkan orang-orang “kafir” untuk memerintah mereka, atau pun sekurang-kurangnya orang-orang yang tidak beragama. Dengan kerana tidak ada perhatian yang demikian itulah menjadikan mereka tidak boleh tahan hati lagi-dan memandang jika dahulu mereka diperintah oleh Belanda yang kafir-maka sekarang mereka diperintah oleh bangsa sendiri, yang sebahagian besarnya tidak beragama (beragama Pancasila) dan kerana itulah mereka mengadakan perlawanan.

Sesudah mengadakan perlawanan maka Menteri Agama Kiyai Haji Mashkur (dari Nahdatul Ulama) telah pergi ke sana dengan percubaan hendak menyejukkan perasaan yang telah mendidih itu; dan di dalam ucapan yang diberinya di antaranya (sambungan pada muka 35)

MINTAK RAMBUT ZAM-ZAM KESUKAAN RAMAI

Minyak ini kita perbuat dari akar-akar dan daun kayu yang telah kita dapat dari jauh dan kita campur dengan 1001 macam buatan termasuk bunga puteri malam.



Minyak ini memahakan seri muka dan menjadikan rambut hitam lebat, berkilat-kilat dan teguh serta bersih daripada kelemumur.

Minyak rambut pekat Zam-zam yang paling baik. Baunya harum, jika dipakai rambut bertambah kilat dan cantik.



Boleh didapati di kedai-kedai di seluruh Malaya Singapura, Sarawak, Brunei dan gugusan pulau-pulau Melayu.

Sole Distributors:

K.E. MOHAMED IBRAHIM & Co.

Head Office:

231, Beach Road, Singapore

Branches:

Johore Bharu *Kuala Lumpur *S.India

(sambungan daripada muka 6)

membaca ayat 33 surah al-Mā'idah yang maksudnya: "sesungguhnya balasan orang-orang yang memerangi Allāh dan Rasul-Nya dengan melakukan kerosakan di bumi, hendaklah mereka dibunuh dan dipalang, atau pun dipotong tangan dan kaki mereka dengan bersilang atau pun dibuang negeri. Balasan ini suatu kehinaan bagi mereka di dunia, dan di akhirat mereka akan menerima seksa yang besar."

Kerana ayat ini diturunkan ke atas orang-orang kafir maka ayat ini bukannya menyejukkan perasaan orang-orang di Aceh itu kerana mereka adalah dipandang sebagai orang-orang kafir oleh umat Islam (saudara mereka yang duduk di dalam kerajaan) dan kerana itu perasaan melawan bukannya semakin kurang bahkan semakin kencang dan meluap lagi.

Sungguhpun perlawanan itu diadakan dengan senjata tetapi hakikatnya masa melakukan itu telah sampai oleh kerana negara yang ada sekarang diperintah oleh kebanyakan daripad orang-orang yang 'asi, pemakan suap dan seumpamanya, pada hal di dalam jiwa pahlawan-pahlawan di Aceh itu ada perasaan dan semangat-semangat yakin akan Berjaya apabila mereka berkorban atau memberi pengorbanan untuk menegakkan agama Allah di tanah air mereka. Menegakkan mahkamah syariah di tempat tumpah darah mereka, menegakkan perasaan tulus ikhlasnya di dalam dada anak-anak mereka-bukannya

(sambungan pada muka 38)

Nah.....Ini dia.....pesanlah.....

sebuah buku yang dinanti-nanti oleh berjuta pendengar radio, dan penggemar seni muzik.

.IRAMA LAGU_LAGU HINDUSTAN.

(Dalam Rumi.)

Sebuah buku lagu yang bersejarah dan bertawarikh bagi penduduk Mali, Singapura dan Indonesia.....

Buku ini akan mengandungi hamper 300 muka yang ebsar dan 10 helai gambar bintang pujaan dari filem Hindustan dan filem Melayu dalam warna warni yang menghairankan, sebagai tanda mata bagi pemesan-pemesannya. Selain dari itu buku ini mengandungi beratus-ratus lagu-lagu pujaan dari filem-filem yang tuan-puan sukai setengah daripadanya ialah filem:

Anarkali, Parbat, Baiju Bwra, Ann, Jaal, Kaligatha, Nagina, Poonam, Humlog, Deeder, Daag, Amber, Ashiana, Parchain, Aladdin, Albel, Awara, Aurat, dan lain-lain.

Kerana buku ini akan dicetak terhad dan begitu juga buku ini tidak akan dijual menerusi wakil-wakil, maka tentukanlah dan berbangga dirilah mempunyai buku yang bersejarah ini sambil memesan dari penerbit:

RAHEEM JAILANI,

446, Changi Road,
SINGAPORE 14.

*Harganya \$ 2.50 *

bersih belanja Pos

Potonglah disini,
dan postkan sekarang

RAHEEM JAILANI

Tuan,

sudi kiranya tuan mengirinkan saya.....naskah

buku lagu *Irama Lagu-lagu Hindustan * (dalam

Rumi) itu, dan di sini ada saya sertakan wang

tunai.....PMO/ Cheque No sebanyak\$

bagi harganya.

Nama.....

Alamat.....

IQ.....